



SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2011

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

TATACARA PELAKSANAAN BENGKEL OLEH PUSAT TANGGUNGJAWAB DI LUAR KAMPUS UMP

TUJUAN

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab berhubung surat arahan pengurusan Universiti Malaysia Pahang dalam pelaksanaan bengkel di luar kampus UMP bertarikh 9 April 2009.

LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil 04/2009 pada 11 Mac 2009 telah meneliti dan membincangkan penganjuran dan pelaksanaan bengkel-bengkel oleh pihak PTJ di luar kampus UMP.

TATACARA PELAKSANAAN BENGKEL DI LUAR KAMPUS UMP

3.1 Mesyuarat JKPU Bil 04/2009 telah memutuskan bahawa:

- 3.1.1 Ketua-Ketua PJ yang berhasrat menganjurkan bengkel di luar kampus UMP hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada Naib Canselor; dan

3.1.2 Laporan lengkap yang mengandungi hasil dan dapatan bengkel-bengkel yang dilaksanakan di luar kawasan UMP hendaklah disediakan oleh Ketua-Ketua PTJ dan dikemukakan kepada Naib Canselor dalam tempoh 14 hari selepas berakhirnya bengkel tersebut.

3.2 Semua penyediaan pesanan tempatan di PTJ hendaklah terlebih dahulu mematuhi keputusan JKPU seperti di atas.

3.3 Surat arahan pengurusan adalah seperti lampiran yang disertakan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

20 Jan 2011

s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Pendaftar



Universiti Malaysia PAHANG

Menjadi Universiti Terbaik di Dunia

RUJ. KAMI (OUR REF)
RUJ. TUAN (YOUR REF)

: UMP.01./20.10/01 ()

9 April 2009



SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Yang Berbahagia Profesor/Tuan/Puan,

ARAHAN PENGURUSAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG MENGENAI TATACARA PELAKSANAAN BENGKEL OLEH PUSAT-PUSAT TANGUNGJAWAB (PTJ) DI LUAR KAMPUS UMP

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk perkara di atas


2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bilangan 04/2009 pada 11 Mac 2009 telah meneliti dan membincangkan penganjuran dan pelaksanaan bengkel-bengkel oleh pihak PTJ di luar kampus UMP.

3. Mesyuarat JKPU Bilangan 04/2009 telah memutuskan seperti berikut:

3.1 Ketua-ketua PTJ yang berhasrat menganjurkan bengkel di luar kampus UMP hendaklah terlebih dahulu merujuk Naib Canselor; dan

3.2 Laporan lengkap yang mengandungi hasil dan dapatan bengkel-bengkel yang dilaksanakan di luar kawasan UMP hendaklah disediakan oleh Ketua-ketua PTJ dan dikemukakan kepada Naib Canselor dalam tempoh 14 hari selepas berakhirnya bengkel tersebut (Cabutan minit adalah seperti di Lampiran 2);

6. Sehubungan dengan itu, pihak Yang Berbahagia Profesor/Tuan/Puan bertanggungjawab untuk mengambil perhatian terhadap arahan ini, memanjangkannya untuk makluman staf di PTJ masing-masing dan melaksanakan keputusan JKPU ini.



Sekian terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



ABD. RAHMAN BIN HJ. SAFIE
Penolong Pendaftar Kanan
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
b.p. Naib Canselor

s.k. Naib Canselor

SULIT

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 04/2009**Rabu, 11 Mac 2009****Cabutan Minit****6.3 Laporan mengenai pelaksanaan bengkel oleh pihak Pusat Tanggungjawab di luar kampus UMP**

Pengerusi telah meminta supaya pandangan beliau dirujuk terlebih dahulu oleh Ketua-Ketua Pusat Bertanggungjawab (PTJ) yang ingin melaksanakan bengkel-bengkel anjuran PTJ di luar kampus UMP, Pengerusi juga meminta supaya hasil dan dapatan bengkel-bengkel yang dilaksanakan di luar kampus UMP didokumentasikan dan dikemukakan dalam bentuk laporan oleh Ketua-Ketua PTJ kepada Naib Canselor dalam tempoh 14 hari selepas berakhirnya bengkel tersebut.

Tindakan : Urus Setia/Semua Ketua PTJ